

26 NOV 1996

Indah - Pebetungan (Analisis Berita)

KEWAJARAN PENSWASTAAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 26 Nov (Bernama) -- Apabila kerajaan menswastakan perkhidmatan pebetungan di seluruh negara pada 1993, syarikat yang ditawarkan konsesi bagi perkhidmatan itu memilih nama yang sedap didengar untuk namanya iaitu Indah Water Konsortium.

Indah bermaksud cantik dalam bahasa Melayu tetapi Indah Water ataupun lebih dikenali dalam media melalui singkatan IWK tidak memperlihatkan permulaan yang baik.

Awal-awal lagi syarikat itu menghadapi masalah dan keadaan ini berbeza dengan syarikat-syarikat lain yang bertambah kukuh selepas diswastakan dengan mencatatkan keuntungan yang lumayan.

Penswastaaan beberapa entiti yang kemudian dikenali sebagai Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Berhad dan Penerbangan Malaysia mendapat publisiti meluas tetapi penswastaaan perkhidmatan pebetungan kepada IWK kurang mendapat perhatian dan mengejutkan banyak pihak.

Ini mungkin sebabnya mengapa pengguna keberatan untuk menjelaskan bayaran walaupun bayaran bagi perkhidmatan pebetungan untuk setaip rumah iaitu antara RM2 dan RM10 sebulan tidak harus dijadikan isu memandangkan IWK melaksanakan projek penswastaaan terbesar seumpamanya di dunia.

Penswastaaan perkhidmatan pebetungan mencetuskan kemarahan di kalangan pengguna apabila mereka diminta membayar bagi perkhidmatan yang mereka sebelumnya tidak dikehendaki membayar.

IWK menjadi syarikat yang paling banyak menerima kritikan hinggan pengerusi eksekutif syarikat itu yang pertama, Datuk Ghazi Ramli, melepaskan jawatannya awal tahun ini apabila syarikat itu berpindah milik.

Dalam taklimatnya kepada media, Ghazi memperkenalkan motto IWK "Waste Water Made Clean" dan "The Next Time You Flush Your Toilets, Think of Indah Water".

Berikutan bantahan daripada pengguna terhadap langkah IWK mengenakan bayaran sedangkan ia tidak menyediakan perkhidmatan itu, kerajaan mengarahkan supaya kadar bayarab itu dikaji dan IWK terpaksa menggantung penghantaran bil kepada pengguna.

Pengumuman Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lepas bahawa kerajaan bersetuju melupuskan bayaran yang tertunggak oleh pengguna bermakna IWK kehilangan pendapatan sebanyak RM180 juta.

berikutan kontroversi yang dikaitkan dengan penswastaaan perkhidmatan itu, IWK tidak dapat mengutip pembayaran daripada kebanyakan dua juta pengguna sedangkan syarikat itu telah membelanjakan lebih RM300 juta bagi pelbagai perkhidmatan.

IWK cuma dibenarkan mengutip bayaran bermula tahun depan dan itupun pada kadar yang telah dikaji yang nampaknya lebih rendah dan memihak kepada pengguna.

Para penganalisis yang cukup faham dengan proses penswastaaan sebelumnya berkata bantahan daripada pengguna terhadap kadar bayaran itu jelas menunjukkan kurangnya pengetahuan tentang perkhidmatan yang ditawarkan oleh IWK.

Tumpuan perdebatan mengenai isu itu kemudian beralih daripada pentingnya penswastaaan kepada kesihatan umum dan pada hakikatnya, ia merupakan penswastaaan terbesar dalam sektor kesihatan umum.

Menurut penganalisis, IWK sebenarnya telah "menyelamatkan" sistem pebetungan yang dalam keadaan buruk ketika ia mengambil alih perkhidmatan berkenana daripada pihak berkuasa tempatan.

Sebelum pengambil alihan itu, cuma satu peratus daripada tangki septik individu dibersihkan dan tiada rawatan yang sempurna bagi kumbahan.

Oleh kerana kurang pembiayaan, kira-kira 80 peratus daripada 3,600 loji rawatan kumbahan tidak berfungsi.

Kebanyakan sistem pemetungan diserahkan kepada pemaju swasta yang gagal menyelenggarakan dengan sempurna dan sistem pemetungan yang tidak menepati standard dibina kerana kurang penyeliaan teknikal bagi pembinaan pemetungan oleh pemaju.

Kebanyakan kerajaan yang diselenggarakan oleh IWK dijalankan di bawah tanah dan ini mungkin menjadi sebab mengapa orang ramai tidak "tahu" perkhidmatan yang disediakan.

Ia menyediakan dan menyelenggarakan paip pemetungan sepanjang 4,700 km yang menghubungkan beratus-ratus ribu rumah ke loji rawatan, iaitu jarak yang hampir sama dari Kuala Lumpur ke Fukuoka di Jepun dan lebih jauh dari Kuala Lumpur ke Perth di Australia.

IWK juga membina loji rawatan moden, memasang lebih banyak paip serta meningkatkan kemampuan loji-loji yang beroperasi sekarang melalui peruntukan RM7 bilion yang akan dibelanjakannya sehingga tahun 2021.

Para penganalisis itu berkata penswastaan adalah amat perlu kerana sistem pemetungan negara tidak dapat menampung kepesatan pembangunan.

Kos membina sistem pemetungan yang moden dan serba lengkap terlalu tinggi untuk ditanggung oleh kerajaan.

Secara ringkas, sistem pemetungan memastikan najis manusia dirawat dan dilupuskan secara selamat. Pemetungan bukan setakat merawat najis manusia. Ia meliputi air buangan dari dapur, bilik mandi dan mencuci pakaian.

Najis manusia yang tidak dirawat mungkin membawa bakteria dan virus yang menyebabkan penyakit seperti taun, kepialu dan Hepatitis A.

Menurut IWK, setiap tahun, Malaysia mengeluarkan tiga juta meter padu sisa domestik. Ini sudah cukup untuk memenuhi ruang Menara Kembar Petronas hingga ke tingkat 78.

satu lagi hakikat yang menakutkan ialah kemudahan untuk merawat dan melupuskan sisa langsung tidak wujud di negara ini dan sejumlah 1.5 juta meter padu di simpan di loji-loji rawatan.

Tetapi Pengurus Besar Kanan (Komunikasi) IWK, Mirza Mohamed Tariq berasa optimistik bahawa pengguna lambat-laun akan menerima perkhidmatan pemetungan yang diswastakan selepas melihat pembabitan IWK secara aktif.

"Kami telah menerima kritikan daripada pengguna untuk sekian lama tetapi kami berpendapat ia sebahagian daripada cabaran yang perlu dihadapi bagi melaksanakan tanggungjawab yang mencabar ini," katanya kepada Bernama.

-- BERNAMA

AU FAZ